



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

KENYATAAN AKHBAR

2 Februari 2017

PNB serah zakat lebih RM9.3 juta kepada Negeri Pahang

KUANTAN:- Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini membuat bayaran zakat perniagaan kepada Negeri Pahang Darul Makmur yang berjumlah RM9,384,000.00.

Cek zakat perniagaan Kumpulan PNB itu disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, YBhg Tan Sri Abdul Wahid Omar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Turut hadir, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

Dikeluarkan oleh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

AMINAH HAJI MAHADI

Pengurus Kanan

Hubungan & Komunikasi Korporat

Tel : 03-2050 5445

Faks: 03-2050 5268

E-mel: aminah_hm@pnb.com.my